

Bab Pertama

PENDAHULUAN

1. Latar Belakang Kajian

Sejarah masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua (awal abad ke-20) telah diwarnai dengan pelbagai peristiwa bersejarah seperti politik, ekonomi dan sosial. Kedudukan masyarakat Melayu di bawah pentadbiran British mendapat perhatian golongan intelektual Melayu, sama ada yang berpendidikan Melayu, agama dan Inggeris. Antara golongan tersebut ialah peranan yang dimainkan oleh guru-guru Melayu.

Sebelum itu, sejarah telah membuktikan bahawa peranan guru sebelum penjajahan lagi telah dilihat sebagai suatu yang mulia dalam menyampaikan dan mendidik anak bangsa. Pada pengamatan R.O Winstedt:

“...even before the Portugese took Mallaca in 1511, the Malays were in some respects as civilized people, having their own political system, art, science and literature...”¹

Pernyataan beliau ini dilihat penulis mempunyai kelompongan kerana ketamadunan orang Melayu tidak hanya terlihat dalam bidang yang disebutkan oleh R.O Winstedt akan tetapi lebih dari itu seperti dalam bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan. Ini terbukti bahawa pada tahun 1810 telah wujud pendidikan yang berteraskan agama Islam iaitu ‘Koran School’.² Kelas-kelas ini menurut Raffles adalah bentuk pendidikan tradisi yang

¹ D.D Chelliah, *A History of Educational Policy of Straits Settlements With Recommendation For A New System Based On Vernaculars*, (Kuala Lumpur, 1947), 5.

² *Ibid.*, 2.

mengajarkan versi-versi dari kitab al-Quran dalam bahasa Arab manakala pelajarnya terdiri dari kanak-kanak lelaki Melayu.³

Guru-guru yang mengajar al-Quran ini dikenali sebagai ‘Haji’ atau ‘Khatib’ iaitu mereka yang dipercayai dan arif dalam agama Islam.⁴ Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1488-1511), ianya jelas kelihatan pengajian Quran ini apabila seorang alim bernama Maulana Sadar Jahan telah menjadi guru kepada Sultan Mahmud dan puteranya.⁵

Menurut Hasnah Husiin (2009), bagi masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia ke-2⁶, golongan guru-guru Melayu ini dianggap sebagai golongan menengah yang paling dihormati dan disanjung oleh masyarakat.⁷ Guru-guru Melayu, sama ada disedari atau tidak, telah memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu ke arah kemajuan. Mereka telah menyedarkan dan memajukan orang Melayu dengan adanya kerjasama di antara mereka melalui persatuan guru. Golongan ini menjadikan akhbar dan majalah sebagai medium menyampaikan kesedaran kepada masyarakat Melayu.

Akhbar dan majalah adalah antara media untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Melalui penulisan dalam akhbar dan majalah, orang ramai dimaklumkan mengenai perkara-perkara semasa, peristiwa bersejarah, hiburan, sukan dan sebagainya

³ Mengenai pengajian Quran ini boleh didapati di dalam *Hikayat Abdullah* iaitu catatan Munshi Abdullah.

⁴ Fawzi Basri, “Perkembangan Pendidikan di Negeri Johor 1856-1939: Satu Kajian Ringkas”, dalam Khoo Kay Kim (peny.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1984), 14-15.

⁵ Shellabear, *Sejarah Melayu*, (Kuala Lumpur, 1975), 240. Beliau turut menulis bahawa nama Maulana Sadar Jahan dikenali juga sebagai Makhdum Sadar Jahan.

⁶ Perang Dunia Kedua berlaku pada tahun 1939-1945 dan merupakan peperangan yang paling meluas membabitkan kuasa Bersekutu iaitu negara-negara Komanwel, Perancis, Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China dengan kuasa Paksi iaitu perikatan negara-negara Jerman, Itali dan Jepun.

⁷ Hasnah Husiin, *Guru-guru Melayu Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 1.

sama ada dikeluarkan secara harian, mingguan, bulanan, tahunan dan sebagainya. Kewujudan banyaknya majalah Melayu, termasuklah juga yang diusahakan oleh golongan guru-guru Melayu telah membuka dengan luasnya medan perbincangan tentang pelbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu umumnya.⁸

Kebanyakan akhbar dan majalah Melayu yang telah diterbitkan di sekitar awal abad ke-20 sehinggalah sebelum tercetusnya Perang Dunia yg ke II iaitu pada tahun 1941 ialah penulisan yang berbentuk sejarah.⁹ Misalnya ruangan “*Perkhabaran*” yang dimuatkan dalam ruangan *Cahaya Pulau Pinang*,¹⁰ “*al-Tārikh al-Islamī*” dalam ruangan *Al-Imam*¹¹, *Majlis*¹² menggunakan ruangan “*Riwayat*”, *Pengasuh*¹³ bahagian “*Tārikh*”, *Chendera Mata*¹⁴ menggunakan ruangan “*Tawārikh*” iaitu nama yang sama digunakan dalam *Majalah Guru*¹⁵.

Sebagai salah satu sumber dalam pengkajian sejarah, akhbar dan majalah memainkan peranan penting dalam memetakan kepada kita tentang keadaan zaman lampau, perihal mengenai sesuatu masyarakat, terutamanya apabila tiada sumber yang berupaya menjelaskan sesuatu situasi.¹⁶

⁸ Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1998), 135.

⁹ Muhd Yusuf Ibrahim, “*Akhbar dan Majalah ditinjau daripada Sudut Pensejarahan Melayu*” (makalah, Seminar Akhbar dan Majalah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988), 1.

¹⁰ Diterbitkan di Pulau Pinang pada bulan Oktober 1900 dan hanya mengandungi 4 halaman yang ditulis dengan huruf jawi, naskhah tersimpan di Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dan Arkib Negara Malaysia.

¹¹ Diterbitkan di Singapura pada 22 Julai 1906 merupakan majalah kategori Islam dan senafas dengan Majalah al-Manar di Kairo tersimpan di Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan AP95M2IM, Dewan Bahasa dan Pustaka juga di Arkib Negara Malaysia.

¹² Diterbitkan di Kuala Lumpur pada 17hb Disember 1931 dan koleksinya terdapat di Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dalam bentuk mikrofilem daripada keluaran yang pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka juga di Arkib Negara Malaysia.

¹³ Diterbitkan di Kelantan pada 11 Julai 1918.

¹⁴ Diterbitkan di Tanjung Malim Perak pada 1 November 1923 oleh Maktab Perguruan Sultan Idris. Terdapat juga simpanan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara Malaysia dan tersimpan juga di Koleksi Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan LG397 T2CM.

¹⁵ Diterbitkan pada 1 November 1924 di Seremban. Majalah Guru dijadikan sebagai subjek kajian dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab yang berikutnya.

¹⁶ Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 6.

Dewasa kini, para sejarawan telah banyak mengkaji dengan lebih terperinci isi kandungan sesebuah akhbar atau majalah untuk dijadikan sumber gambaran sejarah Tanah Melayu mengikut periodikal yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, bukan sahaja golongan para sejarawan yang berminat mengkajinya, malah sesiapa sahaja yang ingin mengetahui sesuatu perkembangan atau *weltanschauung* (pemikiran) dalam masyarakat di Tanah Melayu termasuklah soal politik, budaya, bahasa, agama, kesusasteraan, sosio-ekonomi dan sebagainya.¹⁷

Berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu “*Majalah Guru (1924-1929): Kajian Persuratan Terhadap Tulisan Sejarah Islam*”, maka perkara utama yang difokuskan adalah kepada tulisan sejarah yang terdapat dalam *Majalah Guru* iaitu *Bahagian Tawārikh*.

Kesedaran sejarah di kalangan golongan intelegensia di Tanah Melayu dapat dilihat dari awal abad ke-20 lagi. Majoriti penerbitan akhbar dan majalah pada ketika itu mempunyai ruangan pensejarahan yang tersendiri. R.O Winstedt (1970) mengatakan bahawa Semenanjung Tanah Melayu sebenarnya sangat kaya dalam bidang penulisan sejarah.¹⁸ Pernyataan beliau itu sebenarnya merujuk kepada pensejarahan tradisi yang menjadi “perang tinta” dalam makalah pensejarahan yang dimuatkan dalam akhbar atau majalah Melayu terutama sejak awal abad ke-20 sehinggalah dekad 1950-an. Ini juga menunjukkan bahawa timbulnya kesedaran di kalangan golongan literati Melayu pada waktu itu untuk menulis dan menerbitkan majalah.

¹⁷ Antara kajian dan terbitan yang berkaitan Nabir Abdullah, *Imperialisme Budaya: Peranan Mubaligh Kristian di Tanah Melayu & Singapura Sebelum Merdeka*, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1990), Rosliza Ismail, *Kesusasteraan Islam: Peranan dan Sumbangannya dalam Pendekatan Dakwah Islamiah Pada Tahap Awal Perkembangan Islam di Tanah Melayu*, (Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, 1999), Azmi Ariffin, “Islam, Bangsa dan Perjuangan Melayu: Menelusuri Kesedaran dan Gerakan Politik Melayu-Islam dalam Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu”, (makalah, Persidangan Antarabangsa Islam dalam Masyarakat Malaysia, Universiti Malaya, 5-6 Oktober 2010).

¹⁸ R.O Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, (Petaling Jaya: Oxford University Press, 1970), 155.

Muhd Yusof Ibrahim (1988) menyatakan bahawa penulisan-penulisan tersebut tidak kukuh jika ditinjau dari sudut kesejarahannya,¹⁹ namun begitu sedikit sebanyak ia dapat menggambarkan tahap perkembangan pensejarahan Melayu pada ketika itu dan dapat memberi pengetahuan sejarah kepada masyarakat pada ketika itu.

Menurut beliau lagi, secara keseluruhan tujuan utama makalah-makalah berbentuk sejarah ini ditulis ialah untuk memenuhi tuntutan atau kegunaan yang asas dan praktikal bagi sejarah untuk memberikan manfaat dan pengajaran bagi masyarakat daripada peristiwa-peristiwa sejarah yang ditulis.²⁰

Sejauh pembacaan penulis, penulisan sejarah yang ditulis bukan sahaja untuk memberi manfaat atau pengajaran kepada masyarakat umumnya, akan tetapi sebagai medium pembelajaran mata pelajaran sejarah ataupun lebih dikenali sebagai pelajaran *Tawārikh*²¹ khususnya di sekolah-sekolah Melayu. Sebilangan daripada akhbar dan majalah diterbitkan demi memenuhi keperluan murid-murid sekolah seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK)²² ataupun para penuntut maktab-maktab perguruan seperti Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim²³ yang telah dibuka pada tahun 1922.

Pada awal abad ke-20, umum mengetahui bahawa masyarakat pada ketika itu kebanyakannya tidak tahu membaca apatah lagi menulis. Hanya golongan yang pernah memasuki sekolah Melayu atau Inggeris, bekerja swasta (walaupun hanya kerani),

¹⁹ Muhd Yusof Ibrahim, "Akhbar dan Majalah ditinjau daripada Sudut Pensejarahan Melayu" (makalah, Seminar Akhbar dan Majalah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988), 1 dan lihat juga Muhd Yusof Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), vii.

²⁰ *Ibid.*, 2.

²¹ Munculnya pelajaran Tawārikh ini akan dijelaskan lebih terperinci dalam bab yang ketiga iaitu dalam kepentingan sejarah dalam pendidikan.

²² Penuntut Kolej ini telah menjadi pengarang dalam Majalah Semaian yang telah diterbitkan pada bulan Ogos 1923 lihat Hamed Mohd Adnan, *Direktori Majalah-majalah Melayu Sebelum Merdeka*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2002).

²³ Telah menerbitkan Majalah Chendera Mata (1923). Terdapat pada simpanan Koleksi Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan L 71 M2CM.

golongan pendidik yang tahu membaca dan menulis. Tambahan pula guru-guru sekolah pada ketika itu merupakan golongan yang berpendidikan dan lebih intelektual.²⁴ Mereka memainkan peranan yang penting dalam kegiatan penerbitan majalah.

Guru sebagai penyumbang, koresponden, pengkritik, pengulas, dan khususnya sebagai pembeli dan juga pembaca bagi bahan-bahan yang diterbitkan. Golongan literasi ini telah menerbitkan majalah *Panduan Guru*²⁵, *Majalah Guru*, *Bulan Melayu*²⁶, *Lembaran Guru*²⁷, *Saujana*²⁸, *Semangat Guru*²⁹, *Sekola Melayu*³⁰ dan *Idaman*³¹.

Penulisan sejarah dalam akhbar atau majalah selain golongan pendidik iaitu guru-guru sekolah, terdapat juga golongan yang berpendidikan agama atau golongan yang memperjuangkan cita-cita agama. Golongan intelegensia ini menerbitkan banyak majalah yang dikategorikan sebagai majalah agama sebelum Perang Dunia ke-II seperti *Al-Imam*, *Neracha*,³² *Pengasoh*, *Seruan Azhar*,³³ *Pilihan Timur*,³⁴ *Al-Ikhwani*,³⁵ *Al-Hikmah*³⁶ dan sebagainya.³⁷

²⁴ Hamed Mohd Adnan, *Direktori Majalah-majalah Melayu Sebelum Merdeka*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2002), 25.

²⁵ Diterbitkan di Pulau Pinang pada bulan Julai 1922 oleh Persekutuan Guru-guru Melayu di Pulau Pinang dan terbitannya dihentikan setelah Majalah Guru diterbitkan. Terdapat pada simpanan Koleksi Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan L 71 PG.

²⁶ Diterbitkan di Johor Bharu pada Jun 1930 oleh Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor, merupakan majalah wanita pertama di Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat pada simpanan Koleksi Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan L 71 BM.

²⁷ Diterbitkan di Muar pada Julai 1926 oleh Persekutuan Guru-guru Islam Muar. Terdapat pada simpanan Koleksi Za'ba Universiti Malaya dalam bentuk mikrofilem.

²⁸ Diterbitkan oleh Persatuan Guru-guru Melayu Singapura dan terdapat pada simpanan Koleksi Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan L 71 S.

²⁹ Diterbitkan di Ipoh oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Perak Selatan. Terdapat pada simpanan Koleksi Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan L 71 SG.

³⁰ Diterbitkan di Singapura pada Ogos 1888 disebut sebagai Sekolah Melayu oleh Khoo Kay Kim lihat Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu sebagai Sumber Sejarah*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya , 1984) manakala Muhd Yusuf Ibrahim menulisnya sebagai Skola Melayu lihat Muhd Yusuf Ibrahim, *Pensejarahan Melayu 1800-1960*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).

³¹ Diterbitkan pada Januari 1940 oleh Persatuan Guru-guru Melayu Batu Pahat dan Guru-guru Perempuan Johor. Koleksinya terdapat juga di Arkib Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka juga tersimpan di Koleksi Za'ba Universiti Malaya dengan nombor panggilan LH7 M2BS

³² Diterbitkan di Singapura dari tahun 1911-1915. Terdapat pada simpanan Koleksi Za'ba Universiti Malaya dalam bentuk mikrofilem.

³³ Majalah bulanan yang telah diterbitkan pada Oktober 1925 di Mesir oleh pelajar Melayu Indonesia yang belajar di Mesir. Terdapat di Perpustakaan Utama Universiti Malaya dengan nombor panggilan BP1 SA.

³⁴ Ditulis juga dengan Pilihan Timour telah diterbitkan pada tahun 1925 di Mesir. Naskah juga terdapat di Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya dengan nombor panggilan AP95 M2PT.

³⁵ Diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1926-1931 dan dicetak oleh Jelutong Press. Koleksi naskah terdapat juga di Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya dengan nombor panggilan AP95 M2IK.

³⁶ Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1930 dan dicetak oleh al-Asasiyah. Koleksi naskah terdapat juga di Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya dengan nombor panggilan AP95 M2IH.

³⁷ Khoo Kay Kim, *Majalah dan Akhbar Melayu sebagai Sumber Sejarah*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya , 1984), 8.

*Al-Imam, Neracha, Pengasoh, Al-Hikmah, Bulan Melayu*³⁸ dan *Lidah Benar*³⁹ adalah dianggap sebagai majalah atau akhbar yang berorientasikan keislaman. Maka sesetengah pendapat mengatakan bahawa tumpuan penulisan sejarahnya adalah berbentuk keislaman ataupun lebih sesuai dipanggil dengan pensejarahan Islam.⁴⁰ Manakala *Chahaya Pulau Pinang*,⁴¹ *Lembaga Melayu*,⁴² *Panduan Guru, Majalah Guru, Edaran Zaman*,⁴³ orientasinya berbentuk ‘sekular’. Oleh sebab itu, sebilangan intelegensia menganggap penulisan-penulisan sejarah kelompok ‘sekular’ itu tertumpu kepada sejarah yang berbentuk sejarah tempatan, sejarah Eropah, Timur, tokoh-tokoh, malah sejarah akhbar-akhbar atau majalah itu sendiri.⁴⁴

Ironisnya, antara majalah orientasi Islam dan sekular ini, penulis melihat bahawa kedua-duanya menulis sejarah dalam skop yang sama.⁴⁵ Oleh sebab itulah, penulis merasakan satu kajian perlu dilakukan bagi membuktikan penulisan sejarah di dalam majalah yang dikatakan ‘sekular’ ini juga mempunyai penulisan sejarah berorientasikan Islam ataupun lebih tertumpu kepada penulisan sejarah Islam.

Berbicara mengenai golongan guru Melayu dengan pensejarahan, penulis mendapati kebanyakan golongan guru Melayu ini menulis sejarah sebagai kehendak atau tuntutan

³⁸ Diterbitkan di Johor Bharu oleh Persekutuan Perempuan Melayu pada tahun 1930. Koleksi naskahnya juga boleh didapati dalam simpanan Perpustakaan Peringatan Za’ba, Universiti Malaya dengan nombor panggilan L71 BM.

³⁹ Diterbitkan di Klang bermula pada tahun 1929-1935. Terdapat dalam A List of Magazines and Newspapers Published In Malaya With Information About Each, microfiche di Perpustakaan Utama Universiti Malaya.

⁴⁰ Hamed Mohd Adnan, Direktori Majalah-majalah Melayu Sebelum Merdeka, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2002), 20.

⁴¹ Diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1904. Terdapat pada simpanan Koleksi Za’ba Universiti Malaya dalam bentuk mikrofilem.

⁴² Diterbitkan di Singapura pada tahun 1914. Terdapat pada simpanan Koleksi Za’ba Universiti Malaya dalam bentuk mikrofilem.

⁴³ Ditulis juga tajuknya sebagai Idaran Zaman. Diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1925. Terdapat pada simpanan Koleksi Za’ba Universiti Malaya dalam bentuk mikrofilem.

⁴⁴ Antara pandangan Muhd Yusuf Ibrahim lihat Muhd Yusuf Ibrahim, “*Akhbar dan Majalah ditinjau daripada Sudut Pensejarahan Melayu*” (makalah, Seminar Akhbar dan Majalah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988), 8 dan juga Hamed Mohd Adnan.

⁴⁵ Penulis membuat kesimpulan daripada kajian literatur iaitu daripada kajian Ahadiah Kandar, “Penasuh 1918-1937 Suatu Analisa Rencana-rencana Berbentuk Sejarah”, (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981), Faisal Abdul Hamid, “Majalah Pengasuh Selepas Merdeka 1964-1996 : Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema”, (Tesis, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2012) dan juga pembacaan terhadap *Al-Imam* yang terdapat di Perpustakaan Peringatan Za’ba dengan nombor panggilan BP 1 MI.

untuk memenuhi keperluan pelajaran. Pada tahun 1918, penulisan sejarah dengan pengaruh tradisi intelektual Barat, R.O Winstedt bersama dengan Daing Abdul Hamid bin Tengku Muhammad Salleh telah mengeluarkan buku *Kitab Tawārikh Melayu* yang telah diterbitkan di Singapura sebagai buku teks. Pada tahun tersebut, sebanyak 2000 salinan telah dicetak, kemudian pada tahun 1921 dan 1925, buku teks ini telah disemak semula dan sebanyak 10 000 salinan telah dikeluarkan. Buku teks ini digunakan bagi pelajaran *Tawārikh* untuk kegunaan sekolah rendah.⁴⁶

Terdapat juga beberapa orang sasterawan yang menghasilkan karya berbentuk sejarah. Contoh yang paling terkenal ialah, Ahmad Bin Abdullah, berkelulusan Maktab Melayu Melaka dan juga tenaga pengajar di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Novel-novel karangan beliau yang berunsur sejarah ialah, *Darah Melaka*, *Keris Melaka*, *Falsafah Hang Tuah*, *Melayu Tak'kan Hilang*, *Hujan Darah di Selat Melaka* dan sebagainya. Kebanyakan penulisan beliau adalah selepas Perang Dunia II.⁴⁷

Salah satu daripada sumbangan yang sangat penting ialah *Sejarah Alam Melayu* iaitu penerbitan bagi jilid pertamanya dikeluarkan pada tahun 1925. Abdul Hadi Bin Haji Hassan adalah pengarangnya yang berkelulusan Maktab Melayu Melaka dan menjadi tenaga pengajar di MPSI dari tahun 1922-1928 kemudian beliau berpindah ke Kelantan sebagai Guru Pelawat. Buku ini terdapat lima jilid kesemuanya dan diselesaikan oleh Buyong Adil setelah Abdul Hadi meninggal pada tahun 1937. Khoo Kay Kim (1979)

⁴⁶ Lihat Cheah Boon Kheng, "Writing Indigenous History in Malaysia: A Survey On Approaches and Problems", (Crossroads: An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies, Vol.10, No.2, Northern Illinois University Center for Southeast Asian Studies, 1996), 43., Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979), 11. Dan R.O Winstedt dan Zainal Abidin Bin Ahmad, "A History of Malay Literature, With a Chapter on Modern Developments", (JMBRAS, XVII, 3, 1939), 151.

⁴⁷ Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979), 12.

menyatakan bahawa *Sejarah Alam Melayu* merupakan percubaan pertama untuk menulis sebuah sejarah berbentuk ‘kebangsaan’ dalam Bahasa Melayu.⁴⁸

Selain daripada pensejarahan di dalam buku-buku yang ditulis oleh golongan guru ini, pensejarahan juga banyak ditulis di dalam akhbar dan majalah yang muncul sama ada sebagai pencetus kesedaran jati diri Melayu atau untuk mengaut keuntungan semata-mata. Penulis memilih *Majalah Guru* sebagai subjek kajian bagi kajian historiografi iaitu mewakili majalah yang dipunyai oleh kesatuan guru-guru Melayu ini.

2. Pengertian Tajuk

Penggunaan istilah dalam kajian sosial dijelaskan secara terperinci mengenai maksud yang dikehendaki oleh penulis dalam tajuk kajiannya untuk mengelak kekeliruan dan salah faham dalam laporannya nanti. Untuk menjelaskan pengertian istilah yang dimaksudkan oleh penyelidik dalam kajian ini maka akan dijelaskan beberapa perkataan dari tajuk kajian ini yang berbunyi “*Majalah Guru (1924-1929): Kajian Persuratan Terhadap Tulisan Sejarah Islam*”.

Tulisan-tulisan sejarah Islam ini merujuk kepada ruangan tulisan sejarah yang terdapat di dalam *Majalah Guru* iaitu *Bahagian Tawārikh* dari tahun 1924-1929. Tulisan sejarah pada tahun tersebut mempunyai 56 buah artikel, namun kajian hanya dilakukan pada tulisan sejarah Islam iaitu sebanyak 54 artikel sahaja dari 56 artikel, *Bahagian Tawārikh* ini dijadikan subjek kajian bagi kajian penulis. Penulis menjadikan artikel yang berkaitan Melayu-Islam sahaja yang dipilih.

⁴⁸ *Ibid.*, lihat juga Cheah Boon Kheng, “Writing Indigenous History in Malaysia: A Survey On Approaches and Problems”, (Crossroads: An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies, Vol.10, No.2, Northern Illinois University Center for Southeast Asian Studies, 1996), 44.

Perkataan ‘majalah’ pula merujuk kepada sebuah penerbitan berkala, sama ada dalam bentuk dwi-mingguan, bulanan, dwi-bulanan, dwi-tahunan dan sebagainya. Majalah biasanya memiliki artikel mengenai topik popular yang ditujukan kepada masyarakat umum dan ditulis dengan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca.⁴⁹ Bagi Hamed Mohd Adnan (1998) pula, majalah juga difahami sebagai bahan bercetak yang diterbitkan mengikut jangka masa tertentu iaitu secara priodikal yang didalamnya terdapat pelbagai bahan tulisan, grafik, iklan, editorial dan kulit (cover).⁵⁰

Majalah Guru juga telah menyatakan perbezaan antara majalah dan akhbar. Ianya dapat dilihat daripada pernyataan dari *Majalah Guru* itu sendiri, di mana:

“...suatu kalimah yang terkenal pada menyebut surat khabar yang dibukukan atau berjilid. Maka pengeluarannya itu ada yang sebulan sekali ada yang beberapa kali sebulan dan ada yang beberapa bulan sekali mengikut masa yang ditetapkan oleh pengeluarnya... akan tetapi keadaan majalah itu kandungannya yang terutama ialah rencana-rencana dan huraian-huraian yang lanjut menyeru, mengajak, memimpin dan mengasuh kaum dan bangsa kepada kemajuan dan tamadun serta mengingot dan menjagakan kaumnya yang lalai supaya jangan tercebur kedalam lembah kehinaan dan sengsara kehidupan...”⁵¹

Pernyataan di atas merujuk kepada definisi dan bentuk isi kandungan majalah yang terdapat di dalam *Majalah Guru*. Jika dilihat dari sudut pernyataan *Majalah Guru* mengenai isi kandungan bagi majalah, dapat penulis lihat bahawa isi kandungan majalah tahun 1920-an berbeza dengan bentuk isi kandungan zaman moden. Isi kandungan majalah tahun 1920-an ini dilihat lebih kepada mewujudkan kesedaran jati diri bagi orang Melayu

⁴⁹ Faisal @ Ahmad Faisal, “Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996):Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema” (Tesis, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2012), 58.

⁵⁰ Hamed Mohd Adnan (1998), *Majalah-majalah Agama Sebelum Perang dan Ekonomi Penerbitannya dalam Pengajian Sastera dan Sosiso Budaya Melayu:Memasuki Alaf Baru*, Hashim Awang AR, Zahir Ahmad (ed.), (Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1998), 140.

⁵¹ *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2.

pada ketika itu. Majalah zaman moden ini, dilihat mempunyai banyak orientasi sama ada berbentuk hiburan, agama, masakan, busana dan banyak lagi. Oleh itu, perlu bagi penulis untuk membuat pengertian tajuk bagi perkataan ‘majalah’.

Pernyataan di bawah pula adalah mengenai definisi bagi akhbar dan bentuk isi kandungannya:

“...perbezaan bahawa surat khabar itu tidak biasa dibukukan melainkan tertulis diatas keping-keping kertas yang tidak seberapa helai lembarannya tetapi besar...dan lagi kebanyakan isinya surat khabar itu ialah perkhabaran-perkhabaran yang berlaku hari-hari sama ada di dalam negeri tempat laluan atau negeri-negeri asing jauh dan dekat darat dan laut iaitu perkhabaran peperangan, perkhabaran mahkamah, perkhabaran polisi, perkhabaran permesyuaratan...”⁵²

Daripada pernyataan *Majalah Guru* dapat penulis lihat bahawa isi kandungan majalah pada ketika itu (dekad 20’an) lebih berfokus atau merungkaikan tentang isu-isu berkaitan dengan masyarakat Melayu khususnya, berbeza dengan akhbar hanya menerangkan atau menceritakan tentang keadaan yang berlaku seharian.

Definisi majalah daripada Dewan Bahasa dan Pustaka memberi erti “terbitan berkala yang mengandungi makalah, fiksyen, gambar foto dan lain-lain”.⁵³William L.Rivers (1983) memberikan suatu ciri yang khusus kepada majalah. Menurut William, perbezaan majalah dengan bahan bacaan lain ialah tulisannya yang berbentuk rencana, skripnya yang berbentuk drama dan sajak.⁵⁴

⁵² *Ibid*

⁵³ Kamus Dewan, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 978, entri “majalah”.

⁵⁴ William L. Rivers, *Magazine Editing in the 80's*, (California:Wardswort Publishing Company, 1983),5.

Menurut Amukly (2008), majalah ialah bahan penerbitan yang dicetak melebihi lapan muka surat dalam saiz tertentu yang mempunyai kandungan yang tertentu, khalayak tersendiri atau umum dan bertujuan untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk hiburan atau pengetahuan umum.⁵⁵ Walau bagaimanapun, pernyataan yang diberikan oleh Amukly tidak boleh diterima pakai bagi bentuk majalah yang wujud pada dekad 20'an dimana terdapat juga majalah yang dicetak tidak sampai kepada lapan muka surat. Ini adalah kerana faktor kewangan atau hanya untuk mendapatkan keuntungan bagi penjualan majalah pada ketika itu.

Manakala perkataan '*Guru*' merujuk kepada nama sebuah majalah yang diterbitkan oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Negeri Sembilan, Selangor dan Melaka. Pemilihan nama '*Guru*' ini, menurut keterangan di dalam *Majalah Guru*, adalah apabila nama majalah ini diberi tajuk '*Guru*' maka ia bermaksud hak bagi sekalian guru-guru Melayu.⁵⁶

Batasan kajian ini yang merujuk kepada tahun '1924-1929' ialah merujuk kepada tahun pertama pengeluaran *Majalah Guru* sehingga tahun 1929. Oleh itu batasan kajian penulis adalah dari tahun 1924 (bermula dengan bulan November) sehingga tahun 1929 (sehingga bulan Disember).

Persuratan merangkumi persuratan mengenai keilmuan, budaya dan sastera.⁵⁷ Menurut Shafie Abu Bakar, kesedaran keislaman dalam persuratan haruslah dipertingkatkan di kalangan penulis, badan-badan persuratan dan masyarakat

⁵⁵ Amukly a/p Muniandy, Penerbitan Majalah Utusan Melayu (M) Bhd: Tumpuan Kepada Mastika (Kertas Projek Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2008), 2.

⁵⁶ *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2.

⁵⁷ Shafie Abu Bakar, Persuratan Melayu Masa ini dan Perspektif Masa Depan (Kertas Kerja Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2002), 20.

umum.⁵⁸ Kebanyakan kajian persuratan yang dilakukan di alam Melayu, adalah kajian daripada golongan orientalis atau yang sealiran dengannya, dimana peranan Islam diketepikan manakala pengaruh Animisme, Hindu-Buddha menjadi peranan utama bagi masyarakat Melayu sehingga kedatangan Barat.⁵⁹

Oleh itu, daripada pengertian tajuk yang diberi jelas menunjukkan bahawa penulis hanya memilih *Majalah Guru* yang mempunyai ruangan tulisan sejarah Islam dalam *Bahagian Tawārikh* yang diskopkan dari tahun 1924-1929.

3. Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu “*Majalah Guru (1924-1929): Kajian Persuratan Terhadap Tulisan Sejarah Islam*” penyelidik mengenalpasti beberapa persoalan dalam kajian ini. Berikut merupakan persoalan kajian tersebut:

- a) Pada tahun 1920-1955 kesedaran sejarah dikalangan golongan bijak pandai di Tanah Melayu semakin meningkat sehingga kebanyakan daripada akhbar dan majalah Melayu menyediakan ruangan khusus untuk sejarah.⁶⁰ Perumusan masalah yang terdapat di sini, penulis dapati bahawa tahun 1920-an merupakan zaman permulaan dan meluasnya penerbitan majalah dan akhbar dengan ruangan penulisan sejarah. Oleh itu penulis perlu meneliti bagaimana penulisan dalam *Bahagian Tawarikh* mampu memberi kesedaran dan menaikkan semangat jati diri Melayu dengan menjadikan *Majalah Guru* sebagai subjek kajian.

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ Ali Ahmad, *Arah Persuratan Kini dalam Pembentukan Budaya Manusia dan Implikasinya*, (Kertas Kerja Bengkel Islam, Bahasa dan Persuratan Melayu anjuran Biro Ikhtisas ABIM, Kuala Lumpur, 1984).

⁶⁰ William R.Roff, *Nasionalisma Melayu*, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1975), 20.

- b) Pemilihan tema sesebuah penulisan dipilih mengikut keadaan atau kehendak masyarakat pada ketika itu.⁶¹ Oleh sebab itu penulis ingin mengetahui tema mana yang popular digunakan dan apakah sebab ianya dipilih dalam penulisan *Bahagian Tawārikh, Majalah Guru* pada tahun 1924-1929.
- c) Muhd Yusof Ibrahim (1988) menyatakan bahawa penulisan-penulisan di dalam akhbar dan majalah sebelum perang dunia ke-II ini, adalah tidak kukuh dari sudut kesejarahannya⁶² berbanding dengan penulisan sejarah zaman moden. Bertolak dari itu, penulis ingin memfokuskan kepada sumber-sumber penulisan sejarah khususnya dalam *Majalah Guru* untuk mengetahui apakah bentuk-bentuk sumber sejarah yang digunakan. Setelah penelitian dibuat maka beberapa soalan kajian dirangka iaitu:
- i) Bagaimanakah *Majalah Guru* diterbitkan sehingga memainkan peranannya dalam memberi pengetahuan sejarah kepada masyarakat?
 - ii) Apakah tema penulisan yang digunakan dalam *Majalah Guru*?
 - iii) Apakah jenis sumber yang digunakan oleh penulis artikel sejarah di dalam *Majalah Guru*?

⁶¹ Faisal @ Ahmad Faisal, "Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996):Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema" (Tesis, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya,2012).

⁶² Muhd Yusuf Ibrahim, "Akhbar dan Majalah ditinjau daripada Sudut Pensejarahan Melayu" (Kertas Kerja Seminar Akhbar dan Majalah di Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988), 1.

4. Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini, iaitu:

- i) Meneliti perkembangan persuratkhabaran tanah air sehingga terbitnya *Majalah Guru* dengan fokus *Bahagian Tawārikh*.
- ii) Menganalisis tulisan sejarah yang terdapat di dalam *Majalah Guru* berdasarkan tema, penulis dan kekerapan.
- iii) Menilai sumber-sumber sejarah yang digunakan oleh penulis artikel *Bahagian Tawārikh* dalam *Majalah Guru* dari tahun 1924-1929.

5. Kepentingan kajian

Berasaskan sorotan yang dilakukan, terdapat beberapa kajian yang hampir sama dengan kajian ini telah dilakukan oleh penyelidik atau seorang penulis yang prolifik. Namun begitu masih terdapat kelompongan dan penambahan bagi melengkapkan lagi kajian terdahulu agar bertambahnya pengetahuan mengenai penulisan sejarah yang terdapat di dalam makalah-makalah akhbar dan majalah tersebut.

Oleh yang demikian, penulis memilih subjek kajian iaitu *Majalah Guru* yang dilihat penulis mempunyai ruangan penulisan sejarahnya yang tersendiri dan penulisannya merupakan standard yang baik berbanding dengan penulisan majalah dan akhbar yang lain.⁶³ Idea untuk menjadikan *Majalah Guru* sebagai sampel kajian dalam mengkaji tulisan sejarah Islam yang terdapat dalam *Bahagian Tawarikh* adalah apabila penulis mendapati perlunya suatu kajian terhadap tulisan sejarah Islam dalam majalah yang terbit dalam tahun 1920an.

⁶³ W.R.Roof, *Bibliography of Malay Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Paninsular Malay States 1876-1941*, (London: Oxford University Press, 1972),14 dan Ali Bin Ahmad "Majalah Guru-The Magazine of The Malay Teacher (With Particular Reference to 1924-1932 Period and the Role Played by Muhammad Yusof Ahmad)", Tesis, Monash University, Australia,1975 ,73.

Ini adalah kerana untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa tulisan sejarah pada tahun-tahun tersebut menggunakan metode dan sumber sejarah yang boleh dipercayai walaupun terdapat pernyataan dari penulis prolific yang menyatakan bahawa penulisan sejarah pada waktu tersebut adalah tradisional. Walaupun begitu, kesedaran sejarah hasil daripada tulisan sejarah Islam tersebut telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat, tambahan pula masyarakat pada ketika itu tidak menerima pengetahuan sejarah Islam dalam bilik-bilik darjah. Kelompongan inilah yang menarik minat penulis untuk menjalankan kajian mengenai penulisan sejarah yang terdapat pada *Majalah Guru*.

6. Skop kajian

Merujuk kepada tajuk kajian "*Majalah Guru (1924-1929):Kajian Persuratan Terhadap Tulisan Sejarah Islam*", kajian ini hanya menumpukan kepada *Majalah Guru* dalam tahun 1924-1929 sahaja. Ini adalah kerana pada tahun 20-an merupakan permulaannya peningkatan penerbitan majalah dan akhbar. Oleh sebab itulah majalah yang dikaji di skopkan pada tahun tersebut.

Tahun 1924-1929 juga dipilih kerana pada tempoh tersebut *Majalah Guru* telah menerbitkan ruangan tulisan sejarah secara konsisten. Ini adalah kerana pada tahun yang berikutnya, iaitu pada tahun 1930-1933 penerbitan ruangan tulisan sejarah iaitu *Bahagian Tawārikh* telah dihentikan tanpa diketahui sebab dihentikan. Perkara ini telah membuatkan para pembaca kecewa dan mereka meluapkannya melalui surat kiriman⁶⁴ kepada *Majalah*

⁶⁴ Keadaan *Majalah Guru* yang tidak tetap pendiriannya dalam menyiarkan rencana-rencana berbentuk sejarah antara tahun 1924 sehingga akhir 1940 telah menarik perhatian seorang pembaca *Majalah Guru* yang menamakan dirinya Yusof Arshad dari Negeri Sembilan. Pembaca ini telah menghantar surat kepada sidang pengarang *Majalah Guru* dan mengesyorkan supaya 'Bahagian Tawarikh' kembali diadakan sebagaimana yang telah dilakukan pada tahun-tahun sebelum ini. Lihat Yusof Arshad, Surat Kiriman, *Majalah Guru*, 1 Februari 1941, 86.

Guru dengan harapan supaya pihak majalah dapat meneruskan semula *Bahagian Tawārikh* yang dilihat dapat memberi pengetahuan dan kesedaran sejarah mengenai sejarah Islam.

Menurut Khoo Kay Kim (1979), dekad 1920'an dan 1930'an merupakan zaman dimana tersebarnya 'sejarah' dikalangan orang kebanyakan. Ini berlaku bukan hanya kerana matapelajaran '*Tawārikh*' yang diperkenalkan di sekolah dan maktab, lebih penting lagi wujudnya akhbar dan majalah yang menjadi medium penting kepada penyebaran ini.⁶⁵

Dekad 20'an juga merupakan zaman dimana telah wujudnya kesedaran bagi sesetengah golongan untuk menyedarkan masyarakat Melayu yang mundur. Menurut Khoo Kay Kim (1970/71):

“Mereka telah memberikan banyak sumbangan dalam melahirkan pertumbuhan kesedaran dan kemajuan dikalangan orang Melayu. Malah golongan intelektual inilah yang telah merintis jalan ke arah memartabatkan kedudukan orang Melayu dan sekali gus berperanan dalam menyebarkan idea-idea kemajuan untuk masyarakat Melayu khususnya pada tahun-tahun 1920-an. Pada tahun-tahun 1920-an kepincangan masyarakat Melayu dibangkitkan dengan suara yang lebih lantang dan suatu golongan yang mengambil berat tentang soal itu ialah guru-guru Melayu...pada tahun-tahun 1920-an kepincangan masyarakat Melayu dibangkitkan dengan suara yang lebih lantang dan suatu golongan yang mengambil berat tentang soal itu ialah guru-guru Melayu”⁶⁶

Pada tahun 1920-an persoalan kemunduran orang Melayu telah mendapat perhatian oleh suatu golongan baru dalam masyarakat iaitu golongan intelektual Melayu yang terdiri daripada kalangan yang berpendidikan Melayu, Inggeris dan agama.⁶⁷ Pada masa ini juga

⁶⁵ Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur:Universiti Malaya,1979),15.

⁶⁶ Khoo Kay Kim, “Tahun-tahun 1920-an dalam Sejarah Malaysia”, (Jurnal Sejarah, Jilid IX, Jabatan Sejarah,1970), 8.

⁶⁷ Lihat lebih lanjut dalam Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya pada Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, (Kuala Lumpur:Fajar Bakti, 1980), dan Philip Loh Fook Beng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*, (London: Oxford University Press, 1975).

memperlihatkan pertumbuhan beberapa buah sekolah dan apa yang lebih bermakna ialah pertumbuhan maktab-maktab perguruan. Keadaan ini telah berjaya melahirkan beberapa orang cendekiawan Melayu walaupun tidak ramai, tetapi golongan ini telah berperanan sebagai penyebar benih-benih kemajuan Melayu.⁶⁸ Menurut *Majalah Guru*:

“...adalah guru itu boleh dikatakan sebagai alat yang terkemuka sekali buat guru memajukan anak-anak bangsanya yang akan datang kerana merekalah yang awal mula-mula pertama sekali menjejakkan qalamnya keatas hamparan dada anak bangsanya yang bersih itu...”⁶⁹

Artikel yang berkaitan Melayu-Islam sahaja dipilih dalam kajian penulis iaitu sebanyak 54 buah artikel daripada 56 kesemuanya yang diterbitkan sepanjang tahun 1924-1929. Pemilihan artikel dibuat adalah berdasarkan tajuk kajian ini iaitu “*Majalah Guru (1924-1929): Kajian Persuratan Terhadap Tulisan Sejarah Islam*”.

Majalah Guru dipilih sebagai majalah yang menjadi suara bagi persekutuan guru-guru Melayu dalam menjadi pemimpin orang Melayu yang masih lagi berada dalam kemunduran dan kemiskinan juga sebagai pemimpin agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya dengan merujuk kepada Sunah Nabi dan ajaran al-Quran dengan melihat peranan yang dimainkan oleh penulisan sejarah di dalam *Majalah Guru* iaitu pada *Bahagian ‘Tawārikh’*. *Majalah Guru* ini juga merupakan majalah yang lama bertahan yang wujud sebelum merdeka bagi persekutuan guru-guru Melayu ini jika dibandingkan dengan *Panduan Guru*, *Chendera Mata*, *Saujana* dan lain-lain lagi keluaran majalah yang dikeluarkan oleh guru ini.

⁶⁸ Hasnah Hussin, “Peranan Guru-guru Melayu dalam Memajukan Masyarakat Melayu”, (Disertasi, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1999), 36.

⁶⁹ *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2.

7. Kajian Literatur

Penulis telah membuat tinjauan terhadap beberapa bahan rujukan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian iaitu dengan membuat sorotan dan *review* terhadap buku-buku dan kajian terdahulu. Proses ini melibatkan penelitian terhadap bahan-bahan yang mempunyai kaitan terhadap masalah kajian sama ada dalam bentuk dokumen seperti buku, disertasi atau tesis, kertas kerja seminar yang mengandungi hasil kajian lepas iaitu berkaitan dengan masalah kajian.

a) Majalah Guru

Dari pembacaan terhadap beberapa buku, laporan kajian dan kertas kerja, penyelidik mendapati bahawa hasil-hasil kajian yang diteliti adalah mengenai penulisan sejarah dan juga mengenai akhbar atau majalah (sebelum merdeka) ini dapat menambahkan lagi kefahaman penulis mengenai penulisan sejarah.

Kajian yang terawal mengenai *Majalah Guru* dibuat oleh Muhammad Janan Ahmad (1966)⁷⁰ iaitu beliau mengkaji dari pandangan sastera. Beliau hanya menceritakan secara ringkas tentang latar belakang *Majalah guru*. Beliau juga menggunakan metode temubual dengan Allahyarham Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba) dan juga sebilangan jawatankuasa penubuhan *Majalah guru* ini sendiri. Sayangnya, penulisan atau pengumpulan susun atur beliau bagi menerangkan latar belakang *Majalah guru* tidak lengkap jika dibandingkan dengan kajian Ali Bin Ahmad.

⁷⁰ Muhammad Janan Ahmad, "Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-belum Peperangan Dunia II" (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966).

Pengkajian mengenai *Majalah Guru* dapat dilihat daripada kajian doktor falsafah Ali bin Ahmad (1975).⁷¹ Kajian beliau lebih tertumpu kepada sumbangan yang dimainkan oleh Muhammad Yusuf Ahmad dalam tahun 1924-1932. Walau bagaimanapun, kajian beliau memberi gambaran tentang *Majalah Guru* yang dapat membantu penulis lebih mengenali majalah ini.

Zawiah Ismail (1980/81),⁷² pula mengkaji *Majalah guru* dari aspek sumbangannya kepada sistem pendidikan di Tanah Melayu. Beliau menulis mengenai bagaimana majalah ini menjadi bahan bacaan kepada golongan pelajar juga guru dan kesannya ke atas sistem pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu.

Penyelidikan ilmiah yang dibuat oleh Nor Afzan Mat Salleh (1988)⁷³ merupakan kajian rencana-rencana sejarah yang ditulis dalam *Majalah guru*. Sejauh pembacaan penulis, kajian beliau merupakan kajian yang paling mirip dengan penulis dengan menjadikan *Bahagian Tawārikh* sebagai subjek kajian. Beliau telah menyenaraikan tajuk yang terdapat dalam majalah tersebut dari tahun 1924-1941. Walau bagaimanapun, kajian beliau kurang lengkap kerana beliau hanya menyenaraikan tajuk artikel yang diterbitkan dalam *Bahagian Tawārikh* tanpa mengupas lebih dalam mengenainya. Walau bagaimanapun, kajian beliau menambahkan pengetahuan penulis mengenai *Bahagian Tawārikh* yang menjadi subjek kajian penulis.

⁷¹ Ali Bin Ahmad (1975) "Majalah Guru-The Magazine of The Malay Teacher (With Particular Reference to 1924-1932 Period and the Role Played by Muhammad Yusof Ahmad)", Tesis, Monash University, Australia. Beliau adalah ahli sastera dan seringkali menggunakan nama pena Alis Murni

⁷² Zawiyah Ismail, "Majalah Guru Tahun 1924-1941 dan Sumbangannya Pada Perkembangan Sistem Pendidikan di Tanah Melayu", (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980/81)

⁷³ Nor Afzan Mat Salleh "Kajian Rencana-rencana Berbentuk Sejarah dalam Majalah Guru Tahun 1924-1941", (kertas projek, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988).

Artikel Mark Emmanuel (2010), telah membincangkan mengenai sorotan akhbar dan majalah untuk tahun 1930'an.⁷⁴ Beliau juga telah membincangkan mengenai sejarah *Majalah guru* akan tetapi untuk tahun 1930'an. Pada ketika itu *Majalah guru* sudah stabil dari segi pengeluaran dan penerimaan masyarakat. Beliau juga telah mengambil sumber dari Ali bin Ahmad (1975) untuk penulisan artikel jurnal beliau. Perbincangan *Majalah guru* sebenarnya lebih menarik lagi dibincangkan ketika majalah ini mula menapak di dalam dunia penerbitan. Ini adalah kerana kita dapat melihat dan mengetahui bagaimana peranan yang dimainkan *Majalah guru* ini pada tahun 20'an yang merupakan kebangkitan golongan guru-guru Melayu dalam menangani isu kemunduran dan jati diri orang Melayu.

Kertas kerja Nik Safiah Karim (1979),⁷⁵ juga mengenai *Majalah guru* tetapi beliau membincangkan dari sudut linguistik dalam *Majalah guru*. Walau bagaimanapun, beliau turut menerangkan mengenai latar belakang *Majalah guru*. Penulis mendapati bahawa penerangan mengenai latar belakang untuk majalah ini bukan secara terperinci dan penerangannya adalah sama seperti penulisan-penulisan yang lain bagi menceritakan *Majalah guru*.

Hasnah Binti Hussiin (2009), Adnan Hj Nawang (2007), dan Abdul Hamid Mahmood (2004) iaitu karya-karya yang masing-masing menceritakan secara ringkas mengenai *Majalah guru* tetapi berbeza kandungannya iaitu mengikut skop kajian masing-masing. Buku karangan Hasnah Binti Hussiin (2009)⁷⁶, sebenarnya lebih kepada perjuangan guru-guru Melayu pada zaman kolonial, walau bagaimanapun beliau banyak

⁷⁴ Mark Emmanuel, Viewpapers : The Malay Press of the 1930s, (Journal of Southeast Asian Studies, 41 (1), Singapore, The National University of Singapore, 2010).

⁷⁵ Nik Safiah Karim, "Linguistic Content of Majallah Guru 1924-1934", (Kertas Kerja Persidangan, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, 8-10 Sept, Universiti Malaya, 1979).

⁷⁶ Hasnah Binti Hussiin, *Guru-guru Melayu Peranan dan Perjuangan pada Zaman Penjajahan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009).

juga menyentuh mengenai *Majalah guru* tetapi tidak secara terperinci. Berbeza dengan karya penulisan Adnan Hj Nawang (2007)⁷⁷, dan Abdul Hamid Mahmood (2004)⁷⁸ dimana mereka menyentuh mengenai *Majalah guru* melalui perjuangan Allahyarham Zainal Abidin Bin Ahmad.

b) Penulisan Sejarah

Banyak kajian mengenai tema penulisan sejarah ini. Walau bagaimanapun, penulis hanya mengambil sebahagiannya sahaja untuk dimuatkan di dalam kajian literatur ini mengikut yang paling dekat dengan kajian penulis.

Franz Rosenthal (1968),⁷⁹ telah membicarakan mengenai historiografi Islam dari sudut pandangan Barat. Ini menjadikan pembacaan penulis lebih menarik apabila mengambil pelbagai pandangan mengenai penulisan sejarah Islam termasuklah pandangan Barat.

Disertasi Siti Zahrah Haji Mahfood (2006),⁸⁰ membincangkan mengenai trend penulisan sejarah di kalangan ahli akademik Melayu. Kajian beliau dijadikan penulis sebagai rujukan bagi melihat gaya penulisan sejarah di kalangan ahli akademik dan dibandingkan dengan gaya penulisan sejarah golongan intelegensia dekad 20'an terutamanya dalam *Majalah Guru*.

Disertasi Siti Zahrah Haji Mahfood (2006),⁸¹ membincangkan mengenai trend penulisan sejarah di kalangan ahli akademik Melayu. Kajian beliau dijadikan penulis

⁷⁷ Adnan Hj Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007).

⁷⁸ Abdul Hamid Mahmood, *Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba*, (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2004).

⁷⁹ Franz Rosenthal, *A History of Muslim Historiography*, (Leidin:E.J.Brill,1968).

⁸⁰ Siti Zahrah Haji Mahfood, "Trend Penulisan Sejarah di Kalangan Ahli Akademik Melayu 1970-1990", (Disertasi, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,2006).

⁸¹ Siti Zahrah Haji Mahfood, "Trend Penulisan Sejarah di Kalangan Ahli Akademik Melayu 1970-1990", (Disertasi, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2006).

sebagai rujukan bagi melihat gaya penulisan sejarah di kalangan ahli akademik dan dibandingkan dengan gaya penulisan sejarah golongan intelegensia dekad 20'an terutamanya dalam *Majalah Guru*.

Penulis juga menjumpai, kajian historiografi yang penulis anggap sebagai kajian yang menarik iaitu disertasi Ahmad bin Yaakob (2004).⁸² Beliau menggunakan *Pengasuh* iaitu dari tahun 1918-1955 sebagai subjek kajian. Beliau juga telah menyatakan bahawa *Pengasuh* mempunyai kualiti penulisan dalam makalah pensejarahan Melayu yang terdapat didalamnya. Penulis pula cuba menonjolkan *Majalah Guru* sebagai subjek kajian kerana penulis bersetuju dengan pernyataan W.R.Roof (1972) dan Ali Bin Ahmad (1975) bahawa *Majalah Guru* mempunyai ruangan penulisan sejarahnya yang tersendiri dan penulisannya merupakan standard yang baik berbanding dengan penulisan majalah dan akhbar yang lain.

Kertas projek yang ditulis oleh Azsarudin Awang (2008)⁸³, merupakan kajian terhadap metodologi penulisan sejarah yang terdapat dalam *Pengasuh*. Penulis menjadikan kajian beliau bagi melihat bagaimana beliau menganalisis kajian dari sudut metodologi penulisan sejarah. Walau bagaimanapun, kajian beliau lebih bersifat diskriptif.

Ahadiah Kandar (1981)⁸⁴, mengkaji mengenai rencana-rencana sejarah yang terdapat didalam *Pengasuh*. Kajian beliau menyerupai kajian Nor Afzan Mat Salleh (1988) tetapi subjek kajian yang berbeza. Walau bagaimanapun, penulis melihat juga bagaimana kajian historiografi dibuat ke atas kajian beliau.

⁸² Ahmad bin Yaakob, "Pengasuh 1918-1955: Satu Kajian Historiografi", (Disertasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004).

⁸³ Azsarudin Awang, "Metodologi Penulisan Sejarah dalam Majalah Pengasuh", (Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2008).

⁸⁴ Ahadiah Kandar, "Pengasuh 1918-1937: Suatu Analisa Rencana-rencana Berbentuk Sejarah", (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981).

Muhd Yusuf Ibrahim (1988)⁸⁵, menulis artikel yang bertajuk *Akhbar dan Majalah ditinjau daripada Sudut Pensejarahan Melayu*. Beliau telah menyatakan di dalam artikel ini, senarai akhbar dan majalah yang mempunyai ruangan artikel sejarah. Peranan atau tujuan ruangan tersebut adalah untuk memberi kesedaran dan ikhtibar daripada peristiwa yang lalu. Penulis menjadikan kajian beliau ini sebagai rujukan bagi mengetahui latar belakang kajian.

Penulis juga telah menjadikan buku *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*⁸⁶ sebagai rujukan untuk lebih memahami pelbagai isu dalam penulisan sejarah. Walaupun buku ini tidak menyentuh mengenai pensejarahan di dalam akhbar dan majalah, tetapi buku ini telah menceritakan mengenai penulisan sejarah untuk menambah kefahaman penulis.

Tatiana A. Denisova (2011),⁸⁷ buku karangan beliau telah mengulas dengan panjang lebar mengenai pensejarahan di Alam Melayu. Penulisan beliau ini juga telah dijadikan penulis sebagai rujukan dalam memahami konsep pensejarahan.

Siti Nor Aisyah Ngadiran (2012),⁸⁸ kajian beliau adalah berfokuskan kepada penulisan Syed Muhammad Naquib al-Attas. Oleh itu, penulis telah mendapati bahawa beliau (Syed Naquib) telah membicarakan mengenai historiografi Islam yang menjadi kajian penulis.

⁸⁵ Muhd Yusuf Ibrahim, “*Akhbar dan Majalah ditinjau daripada Sudut Pensejarahan Melayu*” (makalah, Seminar Akhbar dan Majalah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 Januari 1988).

⁸⁶ Badriyah Salleh & Tan Liok EE, *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996)

⁸⁷ Tatiana A. Denisova, *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011).

⁸⁸ Siti Nor Aisyah Ngadiran, “Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih”, (Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2012).

c) Pendidikan Sejarah dalam Pendidikan

Siti Zainun Mat (1990),⁸⁹ beliau banyak menerangkan mengenai kepentingan pendidikan Sejarah pada generasi kini dengan menyentuh sedikit mengenai latar belakang pendidikan Sejarah pada zaman penjajahan. Walau bagaimanapun kajian beliau juga membantu penulis dalam memberi gambaran bagaimana pendidikan Sejarah ini penting bagi masyarakat.

Arba'iyah Mohd Noor (2010),⁹⁰ beliau lebih memberi gambaran latar belakang pendidikan Sejarah dari zaman tradisi hinggalah ke zaman moden dengan lebih ringkas. Kajian beliau juga dijadikan penulis sebagai maklumat tambahan dalam memahami sejarah pendidikan bagi subjek sejarah dari zaman tradisi sehingga kini.

Khoo Kay Kim (1992),⁹¹ menulis mengenai pendidikan Sejarah dari sudut pengalaman beliau sendiri dari zaman penjajahan. Kajian beliau juga dilihat penulis sebagai penulisan dari sudut pengalaman dan kaca mata beliau sendiri dalam menyampaikan maklumat mengenai keadaan pada masa itu.

Norsiah Sulaiman (2010),⁹² menulis mengenai bagaimana pentingnya subjek Sejarah dalam membina tanadun dan generasi sekarang. Kajian beliau ini dijadikan penulis lebih memahami kepentingan pendidikan Sejarah dalam pembinaan jati diri dan semangat masyarakat Melayu-Islam khususnya.

⁸⁹ Siti Zainun Mat, "Kepentingan Pelajaran Sejarah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia" *Jurnal Sejarah*, Bil. 18 (1990).

⁹⁰ Arba'iyah Mohd Noor, "Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden" (*Jurnal Sejarah*, no.17, 2009, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya).

⁹¹ Khoo Kay Kim, *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).

⁹² Norsiah Sulaiman, "Pentingnya Subjek Sejarah dan Tamadun Bangsa Sebagai Wasilah Pembentukan Sikap dan Jati Diri dalam Sistem Pendidikan Negara" (makalah, Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis, 2010).

8. Metodologi Kajian

Penulis telah menggunakan beberapa metode kajian bagi membantu dan memudahkan pengkaji memahami pengkajian yang dikaji iaitu:

- a) Pengumpulan Data
- b) Analisis Data

Metode pengumpulan data sesuai digunakan untuk mengumpulkan maklumat dan data-data yang berkaitan dengan subjek kajian. Manakala metode analisis data diaplikasikan untuk menganalisis data-data penyelidikan secara sistematik dan seterusnya bagi mencapai objektif penyelidikan yang digariskan.

8.1 Metode Pengumpulan Data

Sesuai dengan penyelidikan ini yang menjurus kepada kajian historiografi dalam *Majalah Guru*, maka penulis memilih dua metode yang dapat memastikan segala maklumat berkaitan dengan penyelidikan dikumpulkan. Dalam proses ini, memerlukan kepada data-data yang relevan dan bersesuaian dengan kajian yang dilakukan.⁹³

8.1.1 Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi pula digunakan bagi mencari bahan rujukan. Ianya merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengumpul data dengan cara mengkaji dokumen-dokumen yang berkaitan dengan skop kajian bagi mendapatkan hasil kajian yang dikehendaki. Untuk memperoleh data-data yang kompleks, *Majalah Guru* menjadi sumber rujukan utama (sumber primer) yang telah diperolehi di Perpustakaan Peringatan Za'ba dan

⁹³ Mohd Shafie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991),17.

Arkib Negara. Walau bagaimanapun, simpanan yang terdapat di Perpustakaan Peringatan Za'ba tidak dipelihara dan tidak boleh di fotostat. Simpanan di Arkib Negara, lebih terpelihara dan mudah di fotostat untuk dijadikan simpanan penulis. *Majalah Guru* yang menjadi subjek kajian adalah dari tahun 1924-1929.

Perpustakaan Peringatan Za'ba (PPZ) mempunyai koleksi *Majalah Guru* dari tahun 1924-1940 dan juga 1948 dengan nombor panggilan L 71 MG, selain simpanan asal, PPZ juga mempunyai koleksi dalam bentuk mikrofilem. Manakala di Arkib Negara, Jalan Duta pula menyimpan koleksi dari tahun 1924-1941, 1947-1958 dengan nombor panggilan 12 D. Terdapat juga simpanan dalam bentuk mikrofilem di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu dari tahun 1924-1938.

Kebanyakan koleksi *Majalah Guru* di PPZ menjadi rujukan penulis iaitu dari tahun 1926-1929, manakala koleksi *Majalah Guru* di Arkib Negara dari tahun 1924-1925 menjadi rujukan penulis oleh sebab koleksi *Majalah Guru* di PPZ pada tahun 1924-1925 berada dalam keadaan uzur dan relai. Walau bagaimanapun, penulis telah membuat salinan fotokopi koleksi *Majalah Guru* dari tahun 1924-1929 di Arkib Negara.

8.1 Metode Analisis Data

Setelah segala maklumat dan data diperolehi dan terkumpul, analisis data dilakukan bagi menjalankan kajian. Beberapa metode digunakan dalam menganalisis data iaitu:

8.2.1 Metode Induktif

Metode induktif ialah salah satu cara untuk menghuraikan sesuatu masalah dengan lebih terperinci. Data-data yang bersifat umum akan dihuraikan dan dijelaskan secara

khusus bagi mendapatkan kajian yang sahih. Dalam kaedah ini, penulis terlebih dahulu mengetahui isi kandungan keseluruhan jalan cerita dan seterusnya menganalisis bagi membolehkan sebarang kritikan dalaman dan luaran dilakukan.

Analisis data ini dilakukan berdasarkan kepada sudut historiografi dalam menganalisis tulisan-tulisan sejarah yang terdapat dalam *Majalah Guru* dari tahun 1924-1929.

8.1.2 Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan cara merumus sesuatu bentuk pemikiran tentang apa yang dikaji. Penulis menggunakan metode ini untuk menfokuskan dan memperincikan maklumat yang umum agar ia lebih mudah difahami. Penulis menggunakan metode ini terutamanya pada bab kedua berkenaan historiografi kajian sejarah. Daripada pembinaan teori dalam penulisan bab kedua ini, penulis telah mempraktikkan dalam penulisan bagi analisis bab yang keempat.

9. Sistematika Penulisan

Kajian ini mengandungi beberapa bahagian iaitu dimulai dengan bahagian pendahuluan, teks dan suplementari. Bahagian pendahuluan ini mengandungi dedikasi, abstrak, penghargaan, senarai lampiran, senarai kependekan, senarai transliterasi dan isi kandungan.

Bahagian teks pula dibahagikan kepada lima bab. Bahagian awal membincangkan mengenai latar belakang masalah, pengertian tentang tajuk kajian, perumusan masalah,

objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan perpustakaan, metodologi kajian dan sistematika kajian.

Di dalam bab dua, penulis akan mengkaji mengenai tulisan sejarah Islam. Bahagian ini penulis akan menerangkan secara umum, dimulai dengan pengertian sejarah, skop penulisan sejarah secara umum dan juga membicarakan mengenai penulisan sejarah Islam dan Alam Melayu secara ringkas.

Di dalam bab yang seterusnya, penulis akan membincangkan mengenai sejarah penerbitan *Majalah Guru* dan *Bahagian Tawārikh*. Dimana penulis juga akan melihat bagaimana golongan guru Melayu ini dapat menerbitkan *Majalah Guru*. Oleh sebab itu dimasukkan juga mengenai penubuhan maktab-maktab Melayu bagi melihat bagaimana gerakan golongan guru-guru Melayu ini. *Bahagian Tawārikh* akan dibincangkan secara umum bagi memperkenalkan kepada masyarakat ruangan tulisan sejarah yang terdapat dalam *Majalah Guru* dan ianya merupakan fokus bagi kajian ini.

Manakala bab keempat akan dikupas dengan lebih lanjut mengenai isu-isu penting yang dimuatkan dalam ruangan tulisan sejarah yang terdapat di dalam *Majalah Guru* ini. Penulis akan menganalisis *Bahagian Tawarikh* dari sudut tema, penulis ruangan, sumber-sumber dan penulisan artikel sama ada saduran, terjemahan dan idea asal penulis itu sendiri. Fokus penulis hanya kepada tulisan sejarah Islam yang diterbitkan dalam ruangan ini dari tahun 1924-1929.

Bab yang kelima, iaitu bab yang terakhir adalah bab kesimpulan keseluruhan bab dengan memberikan komentar, saranan dan cadangan yang dianggap relevan dan bernas

bagi memantap dan mengembangkan lagi pengkaji seterusnya mengupas dengan lebih mendalam apa yang terdapat di dalam *Majalah Guru* ini.